



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# Garis Panduan

## Pengurusan CEO@POLYCC

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

# Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC

Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

## **Diterbitkan oleh:**

BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya, Malaysia  
<https://mypolycc.edu.my>

Telefon : 0388883511  
Faks : 0388885625  
E-mel : [bkik.jppkk@mohe.gov.my](mailto:bkik.jppkk@mohe.gov.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

e ISBN 978-629-96977-6-3



Copyright © 2025  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi

# Penghargaan

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti ingin merakamkan penghargaan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama semua pihak bagi menjayakan penulisan Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sebarang komen atau cadangan amat dialu-alukan agar Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC Politeknik dan Kolej Komuniti ini ditambahbaik dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya, Malaysia

Telefon : 03 – 8888 3511  
Faks : 03 – 8888 5625  
Laman sesawang : <https://mypolycc.edu.my>  
E-mel : [bkik.jppkk@mohe.gov.my](mailto:bkik.jppkk@mohe.gov.my)

# Isi Kandungan

01

## Prakata

- Sekapur Sireh
  - Tinta Pengarah
- 1 - 2**

02

## Bab 1

- Pengenalan Pengurusan CEO@POLYCC
- 3 - 9**

03

## Bab 2

- Pelantikan dan Peranan CEO@POLYCC
- 10 - 18**

04

## Bab 3

- Pelaksanaan Aktiviti bersama CEO@POLYCC
- 19 - 24**

05

## Bab 4

- Laporan Aktiviti CEO@POLYCC
- 25 - 30**



# Sekapur Sireh

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,**

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC berjaya dihasilkan. Garis panduan ini diterbitkan sebagai rujukan utama kepada seluruh warga politeknik dan kolej komuniti dalam memahami prosedur pelantikan serta pelaksanaan program CEO@POLYCC secara terancang dan sistematik.

Sebagai satu inisiatif yang menyokong aspirasi Dasar TVET Negara 2030, CEO@POLYCC berperanan sebagai penghubung bagi merapatkan jurang dunia akademik dengan industri. Melalui program ini, perkongsian ilmu, kepakaran, dan teknologi terkini dapat diperkasakan bagi meningkatkan kualiti pendidikan TVET di negara ini. Graduan bukan sahaja memperoleh ilmu yang relevan, tetapi juga berpeluang membina rangkaian profesional yang dapat membuka lebih banyak peluang kerjaya pada masa hadapan.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti atas usaha menerbitkan Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC, serta kepada semua panel penulis yang telah menyumbang kepakaran dalam penghasilannya. Semoga melalui kolaborasi erat antara politeknik, kolej komuniti, dan industri, akan dapat melahirkan graduan TVET yang lebih kompeten, berdaya saing, mampan serta mampu beradaptasi dengan keperluan pasaran kerja yang semakin mencabar.

**YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail**  
**Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti**



# Tinta Pengarah

Syabas dan tahniah diucapkan atas kejayaan penerbitan Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC, satu inisiatif yang amat signifikan dalam memperkukuh jalinan antara institusi pendidikan TVET dan industri. Program CEO@POLYCC bukan sekadar platform untuk perkongsian ilmu, bahkan merupakan satu strategi holistik yang menyokong aspirasi pendidikan tinggi negara, khususnya dalam memperkasa fokus penyediaan bakat terbaik negara. Penglibatan pihak pengurusan pelbagai industri sebagai CEO@POLYCC dalam ekosistem pendidikan TVET bukan sekadar simbolik, tetapi merupakan satu pemacu strategik yang mampu menjana transformasi menyeluruh dalam pengajaran, pembelajaran dan pembangunan bakat masa hadapan.

Seiring dengan matlamat untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, program ini membuka peluang kepada pelajar untuk memperoleh ilmu bukan hanya secara teori, tetapi juga melalui pendedahan langsung kepada dunia industri sebenar. Ini seterusnya membentuk graduan yang lebih kompeten, berdaya saing, dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan. Di samping itu, program ini turut memberi impak positif kepada warga pendidik, khususnya pensyarah, dalam memperkasa budaya penyelidikan, inovasi dan pemindahan ilmu melalui kolaborasi aktif bersama pihak industri.

Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dijalankan secara teratur, cekap dan konsisten di semua institusi, maka penerbitan garis panduan ini adalah amat bertepatan. Dokumen ini berfungsi sebagai rujukan utama kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan program CEO@POLYCC, dengan menyediakan panduan yang sistematik, menyeluruh dan mudah diguna pakai.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada panel penulis dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan penerbitan garis panduan ini. Komitmen dan kerjasama yang diberikan mencerminkan semangat kolaboratif yang menjadi tunjang kepada kejayaan pelbagai inisiatif pendidikan TVET di negara ini.

Akhir kata, saya berharap agar Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pegawai pelaksana, pengurusan institusi, serta seluruh warga politeknik dan kolej komuniti. Semoga ia menjadi pemangkin kepada pengurusan program yang lebih berkesan dan menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan TVET yang inklusif, relevan dan bertaraf global.



**Dr. Riam a/p Chau Mai  
Pengarah BKIK**

# Bab 1

# Pengenalan

Pengurusan CEO@POLYCC



# BAB 1 PENGENALAN DAN PENGURUSAN CEO@POLYCC

## 1.1 LATAR BELAKANG

Politeknik dan kolej komuniti merupakan peneraju institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang unggul dalam melahirkan modal insan yang holistik, berciri keusahawanan, dan seimbang. Sebagai institusi yang memainkan peranan penting dalam ekosistem pendidikan tinggi negara, politeknik dan kolej komuniti terus memperkukuh kedudukan dalam merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013–2025 (PPPM(PT)), khususnya dalam memperkasa agenda TVET sebagai pemacu pembangunan ekonomi negara.

Selaras dengan PPPM(PT) yang menekankan akses, kualiti, ekuiti, kecekapan, dan inovasi, enam (6) teras strategik telah dibangunkan bagi memastikan Politeknik dan Kolej Komuniti terus relevan dan berdaya saing. Teras strategik ini memberi tumpuan kepada elemen-elemen penting dalam konteks pendidikan tinggi negara dan menjadi asas kepada perancangan serta pelaksanaan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018–2025) bagi mencapai visi, misi, dan hala tuju yang dihasratkan:

- i. Menghasilkan graduan TVET berkualiti
- ii. Memantapkan governan yang responsif dan mampan
- iii. Memperkaya bakat
- iv. Menerajui sistem pendidikan melalui TVET 4.0
- v. Memperkukuh kolaborasi industri dan komuniti
- vi. Membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi

Program CEO Faculty merupakan salah satu inisiatif utama di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 (PPPM(PT)), yang diperkenalkan untuk merapatkan jurang antara akademik dan industri.

Diperkenalkan di bawah Lonjakan Kedua iaitu Kecemerlangan Bakat program ini bertujuan untuk membawa pemimpin industri ke dalam institusi pendidikan tinggi bagi berkongsi pengalaman, kepakaran, dan wawasan mereka dalam membangunkan modal insan yang lebih relevan dengan keperluan pasaran kerja.

Program CEO Faculty telah dijenamakan semula sebagai Program CEO@POLYCC sewaktu penggabungan politeknik dan kolej Komuniti pada tahun 2018. Program CEO@POLYCC diperkenalkan di politeknik dan kolej komuniti bagi mencapai visi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai peneraju institusi TVET yang unggul.

Program CEO@POLYCC adalah satu program eksklusif di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi bertujuan untuk membawa pemimpin industri ke dalam institusi pendidikan tinggi bagi berkongsi pengalaman, kepakaran, dan wawasan mereka dalam membangunkan modal insan yang lebih relevan dengan keperluan pasaran kerja.

Program CEO@POLYCC telah diperkenalkan secara rasminya mulai tahun 2018 dengan pelantikan seramai 25 orang CEO@POLYCC dan sehingga tahun 2024, seramai 102 orang ketua industri pernah dilantik sebagai CEO@POLYCC.

Program CEO@POLYCC juga tersenarai sebagai salah satu inisiatif dalam pencapaian petunjuk prestasi (KPI) Kolaborasi Program Berimpak Tinggi politeknik dan kolej komuniti.

## **1.2 OBJEKTIF CEO@POLYCC**

Program CEO@POLYCC dirangka sebagai platform kolaborasi strategik antara politeknik, kolej komuniti, dan pemimpin industri bagi memperkasa ekosistem pendidikan TVET. Melalui penglibatan langsung tokoh industri, program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti graduan, memperkukuh hubungan akademia-industri, serta memastikan kesesuaian program pengajian dengan keperluan pasaran kerja.

Objektif utama CEO@POLYCC adalah seperti berikut:

- i. Membantu dalam menyokong pencapaian visi dan misi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- ii. Melahirkan graduan holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan yang memenuhi keperluan industri;
- iii. Melahirkan graduan TVET berkualiti yang berkemahiran bagi memenuhi penawaran dan permintaan industri;
- iv. Merapatkan jurang antara teori dan praktikal untuk memberi pengalaman industri sebenar kepada pelajar;
- v. Memberi inspirasi kepada pelajar, pensyarah dan komuniti melalui pengalaman sebenar tokoh industri dalam bidang TVET yang berkaitan;
- vi. Mengukuhkan kolaborasi bersama industri dalam pelbagai aktiviti.

### 1.3 FUNGSI

Program CEO@POLYCC dirangka untuk menghubungkan institusi TVET dengan pemimpin industri bagi memperkukuh pembangunan modal insan yang memenuhi keperluan pasaran kerja. Melalui program ini, tokoh industri bukan sahaja berperanan sebagai mentor kepada pelajar dan pensyarah, tetapi juga sebagai pemacu kepada inovasi serta pengukuhan jaringan kerjasama antara institusi dan sektor industri. Fungsi utama CEO@POLYCC adalah seperti berikut:

- i. Perkongsian ilmu, pengalaman, amalan terbaik dan hala tuju industri;
- ii. Pakar rujuk/panel memberi nasihat dalam bidang tujuhan;
- iii. Pakar runding dalam penubuhan pembangunan Centre of Technology (COT), Industry On Campus (IOC) dan Reskilling and Upskilling Centre (RUC);
- iv. CEO@POLYCC menjadi pemudah cara kepada institusi untuk mengadakan jaringan kolaborasi bersama organisasi, industri dan komuniti;  
Menjadi ikon kepada pelajar, pensyarah, institusi dan komuniti setempat;
- v. Membantu meningkatkan kebolehpasaran dan kadar graduan bekerja dalam bidang;
- vi. Membantu mempromosi program TVET politeknik dan kolej komuniti  
Membantu pemerikasaan penyelidikan bersama industri;
- vii. Membantu pemerikasaan pengajaran dan pembelajaran dalam institusi secara menyeluruh; dan
- viii. Membantu pembangunan kompetensi pensyarah berorientasikan industri.

## **1.4 PUNCA KUASA**

Program CEO@POLYCC dilaksanakan berlandaskan dasar dan polisi kerajaan yang menyokong keterlibatan industri dalam memperkasa ekosistem TVET negara. Inisiatif ini selari dengan usaha kerajaan untuk memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan sektor industri dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi serta berdaya saing. Antara dasar- dasar yang berkaitan yang menyokong Program CEO@POLYCC adalah:

### **1.4.1 Dasar TVET Negara 2030 Berpaksikan Modal Insan Berkemahiran**

Dasar TVET Negara 2030 dirangka sebagai inisiatif strategik untuk memperkukuh ekosistem pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, inovatif, dan memenuhi keperluan industri. Dasar ini menekankan kepentingan kerjasama erat antara institusi pendidikan, sektor industri, dan kerajaan bagi memastikan tenaga kerja yang dihasilkan relevan dengan perkembangan teknologi serta tuntutan pasaran kerja semasa. Sehubungan itu, antara fokus utama dasar ini adalah:

- i. Menggalakkan perkongsian kepakaran dan pemindahan teknologi terkini antara industri dan penyedia latihan TVET bagi meningkatkan daya saing tenaga kerja.
- ii. Memperluas insentif khas bagi merangsang penglibatan aktif industri dalam pembangunan dan pelaksanaan program TVET.
- iii. Mewujudkan peruntukan undang-undang atau polisi yang jelas bagi memastikan keterlibatan industri secara berstruktur dan berterusan dalam ekosistem TVET.

### **1.4.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 (PPPM(PT))**

Program CEO Faculty diperkenalkan pada tahun 2015 sebagai inisiatif strategik di bawah Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 (PPPM(PT)). Inisiatif ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara akademik dan industri dengan melibatkan pemimpin korporat serta pakar industri dalam ekosistem pendidikan tinggi.

Melalui program ini, tokoh industri berperanan dalam membimbing, berkongsi pengalaman, serta menyumbang kepada pembangunan kurikulum yang lebih selari dengan keperluan semasa pasaran kerja.

### **1.4.3 Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2035**

Di bawah Objektif Strategik (SO) 14, Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2035 menggalakkan penglibatan awal industri dalam pembangunan bakat TVET berfokus di politeknik bagi menyediakan pekerja mahir yang mampu meningkatkan produktiviti industri. Inisiatif ini bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang bukan sahaja memenuhi keperluan industri tetapi juga berupaya meningkatkan produktiviti serta daya saing sektor ekonomi negara.

Selain itu, selaras dengan Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) 3 iaitu memperkasa jaringan kolaborasi antara politeknik bersama industri bagi membangunkan bakat TVET tersedia masa hadapan. Usaha ini memastikan graduan TVET bersedia menghadapi cabaran industri serta menyumbang secara efektif kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

## **1.5 KEBERHASILAN**

Pelaksanaan CEO@POLYCC dijangka memberikan impak positif dalam memperkukuh peranan politeknik dan kolej komuniti sebagai peneraju pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) di negara ini. Program ini bukan sahaja menghubungkan institusi dengan pemimpin industri tetapi juga memperkasakan ekosistem TVET agar lebih responsif terhadap keperluan pasaran kerja. Keberhasilan utama yang disasarkan melalui program ini adalah seperti berikut:

- i. Politeknik dan kolej komuniti dapat menyediakan bakat TVET terbaik negara selaras dengan kehendak kementerian dan industri;
- ii. Politeknik dan kolej komuniti dipacu industri selaras dengan visi dan misi JPPKK;
- iii. Politeknik dan kolej komuniti melahirkan graduan holistik yang bercirikan keusahawanan dan berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri;

- iv. Politeknik dan kolej komuniti lebih berdaya saing, responsif, fleksibel dan inklusif seiring perubahan arus teknologi;
- v. TVET sebagai pilihan utama kerjaya graduan politeknik dan kolej komuniti dengan gaji progresif mengikut tahap kemahiran dan kompetensi graduan; dan
- vi. Meningkatkan kemahiran dan kompetensi pensyarah melalui Latihan Sangkutan Industri dan Pensijilan Profesional Industri.

## 1.6 LOGO CEO@POLYCC



Logo CEO@POLYCC mewakili inisiatif yang menghubungkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) industri dengan politeknik dan kolej komuniti (POLYCC). Berikut adalah penerangan logo berdasarkan elemen dan kaitannya dengan warna rasmi POLYCC serta konsep TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional):

### i. Teks "CEO" dalam warna biru

Warna biru melambangkan profesionalisme, inovasi, dan kepercayaan, mencerminkan keterlibatan CEO dari industri dalam membimbing pelajar. Ini juga seiring dengan warna rasmi POLYCC yang melambangkan kecemerlangan akademik dan kemahiran teknikal.

### ii. Simbol "@" dalam bentuk gear

Gear melambangkan teknologi, inovasi, dan industri, sejajar dengan fokus TVET untuk membekalkan kemahiran praktikal dan teknikal. Simbol "@" menggambarkan hubungan digital dan kolaborasi antara institusi pendidikan dengan sektor industri.

iii. **Teks "POLYCC" dalam warna merah dan putih**

Merah melambangkan semangat, keberanian, dan komitmen dalam memperkasakan pelajar dengan kemahiran TVET. Putih melambangkan ketelusan dan integriti dalam hubungan antara industri dan akademik.

Secara keseluruhan, logo ini menggambarkan kerjasama strategik antara CEO dari pelbagai industri dan POLYCC dalam membangunkan modal insan berkemahiran tinggi sesuai dengan keperluan industri semasa.

## **1.7 COGAN KATA**

"CEO@POLYCC: Learn from the Best, Be the Best!"

## **1.8 TARIKH BERKUATKUASA**

Garis Panduan Pengurusan CEO@POLYCC bagi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Edisi 1, 2025 digunapakai berkuat kuasa pada September 2025.

# Bab 2

# Pelantikan

& Peranan CEO@POLYCC



# BAB 2

## PELANTIKAN DAN PERANAN CEO@POLYCC

### 2.1 PENGENALAN

CEO@POLYCC merupakan individu yang dipilih daripada kalangan pengurusan tertinggi dalam industri atau peneraju utama sesebuah sektor industri yang relevan. Individu ini lazimnya memiliki pengalaman luas dan kepakaran yang mendalam dalam bidang pengurusan, kepimpinan strategik, serta pembangunan industri. Mereka juga diakui sebagai pemimpin yang mampu membawa inovasi, visi yang jelas, dan hala tuju yang signifikan untuk memajukan POLYCC sebagai institusi yang berdaya saing. Selain itu, pemilihan mereka berdasarkan kriteria yang melibatkan kelayakan profesional, prestasi terdahulu, serta kemampuan untuk membawa impak positif kepada organisasi serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat nasional dan global.

Permohonan pencalonan CEO@POLYCC oleh institusi perlu dihantar kepada Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) setelah disahkan oleh pengarah institusi beserta dengan Curriculum Vitae (CV) atau profil syarikat calon. Cadangan pelantikan dari institusi perlu dihantar ke BKIK mengikut prosedur yang ditetapkan. Maklumat lengkap berkenaan proses permohonan pencalonan boleh dirujuk melalui Prosedur Permohonan Institusi (Lampiran 1).

Walaupun Pelantikan CEO@POLYCC akan dibuat di bawah kuasa lantikan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi. Lantikan ini dilakukan dengan teliti mengikut prosedur Kementerian, di mana individu yang terpilih akan memikul tanggungjawab besar dalam menerajui inisiatif tersebut. Tempoh lantikan CEO adalah selama (2) dua tahun, di mana sepanjang tempoh itu, CEO bertanggungjawab menyokong dan membantu di dalam dasar dan objektif POLYCC dilaksanakan dengan berkesan serta memajukan institusi ke arah pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan.

## 2.2 KRITERIA PELANTIKAN

CEO@POLYCC mestilah terdiri daripada individu yang memegang jawatan tertinggi di sesebuah organisasi Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Pegawai Operasi (COO), Pengarah Urusan (MD), Pengurus Besar (GM) dan lain-lain jawatan yang setaraf. Individu yang dipilih perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. Mempunyai pengalaman luas dan berpengetahuan tinggi di dalam bidang masing-masing;
- ii. Berkapasiti memberikan komitmen yang jitu dengan berupaya meluangkan masa bagi menyumbang pengalaman dan kepakaran;
- iii. Berupaya memberikan inspirasi kepada para pelajar dan warga POLYCC;
- iv. Bersedia untuk bekerjasama bagi menyokong dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara dan TVET; dan
- v. Memudah cara dan berupaya menghubungkan institusi dengan industri selaras dengan niche area.

Pemilihan CEO@POLYCC yang tepat akan memastikan program ini mencapai objektifnya dalam mengukuhkan hubungan industri dengan institusi serta melahirkan graduan TVET yang kompeten dan berdaya saing.

## 2.3 PERANAN CEO@POLYCC

CEO@POLYCC berperanan sebagai pakar rujuk, pakar runding, perkongsian ilmu, pemudahcara dan penghubung bagi membantu politeknik dan kolej komuniti dalam meningkatkan kualiti institusi sebagai penyedia pendidikan TVET yang unggul. Selain itu, CEO@POLYCC juga membantu dalam menghasilkan graduan TVET yang berkualiti, memperkukuh kolaborasi industri dan komuniti serta menerajui sistem pendidikan tinggi negara.


## 2.4 KAEDAH PELAKSANAAN

Program CEO@POLYCC dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan strategik yang bertujuan memperkukuh hubungan antara industri dan institusi TVET, serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kaedah pelaksanaan yang digunakan termasuk:

- i. Seminar / syarahan / forum / dialog / perkongsian ilmu dan lain-lain kaedah yang bersesuaian kepada pelajar dan warga POLYCC;
- ii. Pakar rujuk / panel dalam memberi nasihat kepada penghasilan projek / produk pelajar, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan;
- iii. Pakar runding kepada politeknik dan kolej komuniti dalam penubuhan dan pembangunan Centre of Technology (COT), Industry On Campus (IOC) dan Reskilling and Upskilling Centre (RUC);
- iv. Lawatan sambil belajar oleh pelajar dan pensyarah ke industri berkaitan dan memberi khidmat nasihat berasaskan kepada kepakaran;
- v. CEO@POLYCC yang dilantik boleh mengadakan sesi pertemuan di mana-mana politeknik atau kolej komuniti yang mempunyai bidang yang sama;
- vi. Menjadi penghubung dan memperkenalkan politeknik atau kolej komuniti kepada mana-mana organisasi dan industri yang berkaitan; dan
- vii. Memudahkan penempatan pelajar dan pensyarah bagi menjalani latihan industri dan sangkutan industri masing-masing.

## 2.5 PROSES PELANTIKAN CEO@POLYCC

### 2.5.1 Prosedur / Tatacara Permohonan Dan Pelantikan CEO@POLYCC



## 2.5.2 Prosedur Kerja

- i. BKIK mengeluarkan surat permohonan pencalonan CEO@POLYCC kepada politeknik dan kolej komuniti. Pencalonan perlu disediakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- ii. Institusi mengenalpasti calon CEO@POLYCC mengikut kesesuaian.
- iii. **Surat pelawaan** diberikan kepada calon setelah disahkan oleh pengurusan tertinggi institusi. **(rujuk Lampiran 1)**.
- iv. CEO@POLYCC perlu memberi jawapan melalui **BORANG PERSETUJUAN PELANTIKAN SEBAGAI CEO@POLYCC**. **(rujuk Lampiran 2)**
- v. Ketua CISEC/PPIA mengemukakan senarai nama CEO@POLYCC kepada BKIK.
- vi. BKIK membuat proses saringan untuk dibawa ke Mesyuarat Pengurusan JPPKK.
- vii. Setelah kelulusan dicapai di peringkat JPPKK senarai nama CEO@POLYCC diangkat ke Pejabat YB Menteri Pendidikan Tinggi.
- viii. YB Menteri Pendidikan Tinggi meluluskan pencalonan dan seterusnya, surat dan watakah pelantikan akan disediakan oleh BKIK. **(rujuk Lampiran 3)**
- ix. BKIK/Institusi akan memaklumkan dan menyerahkan watakah pelantikan kepada CEO@POLYCC yang telah terpilih. Salinan akan dihantar kepada institusi.

**LETTERHEAD POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI**

No. Rujukan: XXX

Tarikh: XXX

NAMA CEO@POLYCC

JAWATAN

ALAMAT

YBhg./YBrs. XXX

**PELAWAAN SEBAGAI CEO@POLYCC BAGI TAHUN 20XX HINGGA 20XX**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa **Politeknik/Kolej Komuniti XXX** berhasrat mempelawa **YBhg./ YBrs. XXX** sebagai **CEO@POLYCC** bagi tempoh 2 tahun bermula tahun **XXX** hingga **XXX**. **CEO@POLYCC** adalah terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi industri ataupun peneraju industri. Berikut merupakan kaedah pelaksanaan dan bidang tugas sebagai **CEO@POLYCC** seperti berikut: -

- i. Seminar / syarahan / forum / dialog / perkongsian ilmu dan lain-lain kaedah yang bersesuaian kepada pelajar dan warga **POLYCC**;
- ii. Pakar rujuk / panel dalam memberi nasihat kepada penghasilan projek / produk pelajar, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan;
- iii. Pakar runding kepada politeknik dan kolej komuniti dalam penubuhan dan pembangunan **Centre of Technology (COT)**, **Industry On Campus (IOC)** dan **Reskilling and Upskilling Centre (RUC)**;
- iv. Lawatan sambil belajar oleh pelajar dan pensyarah ke industri berkaitan dan memberi khidmat nasihat berasaskan kepada kepakaran;
- v. **CEO@POLYCC** yang dilantik boleh mengadakan sesi pertemuan di mana-mana politeknik atau kolej komuniti yang mempunyai bidang yang sama;
- vi. Menjadi penghubung dan memperkenalkan politeknik atau kolej komuniti kepada mana-mana organisasi dan industri yang berkaitan; dan
- vii. Memudahcara penempatan pelajar dan pensyarah bagi menjalani latihan industri dan sangkutan industri masing-masing.

4. Bersama-sama ini disertakan borang persetujuan dan mohon dikembalikan borang tersebut kepada Ketua *Corporate, Industrial Services & Employability Centre* (Ketua CISEC) / Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA) sebelum atau pada **1 Januari 202X** secara faks XX-XXXXXXX atau email: XXX. Walaubagaimanapun kelulusan adalah tertakluk kepada keputusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

5. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi XXX di talian XXX atau email XXX. Segala kerjasama amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(XXXXXXXX)**

PENGARAH,

Politeknik / Kolej Komuniti XXX

**BORANG SETUJU TERIMA CEO@POLYCC  
POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI XXX  
TAHUN 202X - 202X**

Kepada:

Pengarah

Politeknik / Kolej Komuniti XXX

Alamat

(u.p: Ketua CISEC / PPIA)

Tuan

Saya dengan ini \*bersetuju / tidak bersetuju untuk dilantik sebagai CEO@POLYCC bermula tahun XXX hingga XXX.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Alamat Syarikat : .....

.....

.....

.....

Jawatan : .....

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh : .....

Mohon kembalikan borang ini kepada Politeknik / Kolej Komuniti XXX secara faks xx-xxxxxxxx atau emel xxx.

\* (sila potong yang tidak berkenaan)

**LETTERHEAD KETUA PENGARAH JPPKK**

Rujukan Kami: XXX  
Tarikh: XXX

NAMA CEO@POLYCC  
JAWATAN  
ALAMAT

YBhg./YBrs. XXX

**PELANTIKAN DAN PENYERAHAN WATIKAH CEO@POLYCC BAGI TAHUN 20XX HINGGA 20XX**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa **Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)** mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada **YBhg./YBrs. XXX** atas kesudian menerima pelantikan sebagai **CEO@POLYCC** bagi tahun **XXX** hingga **XXX**. **JPPKK** amat berharap **YBhg./YBrs. XXX** dapat berkongsi kepakaran dalam bidang yang berkaitan bagi penambahbaikan dan pemerkasaan di politeknik dan kolej komuniti.

3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan salinan watikah **CEO@POLYCC** untuk rujukan. Pelantikan ini berkuatkuasa pada **XXX** sehingga **XXX**. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi (**Penyelaras CEO@POLYCC di BKIK**) di talian **XXX** atau emel: **XXX**. Segala kerjasama **YBhg./YBrs. XXX** dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(NAMA KETUA PENGARAH)**

s.k.:

1. Pengarah  
Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti
2. Pengarah  
Politeknik / Kolej Komuniti XXX (yang terlibat mencalonkan)

# Bab 3

# Pelaksanaan

Aktiviti bersama CEO@POLYCC



# BAB 3

## PELAKSANAAN AKTIVITI BERSAMA CEO@POLYCC

### 3.1 PENGENALAN

Pelaksanaan program CEO@POLYCC memberi peluang kepada pelajar dan staf institusi politeknik dan kolej komuniti untuk mempelajari, mengalami dan melihat sendiri amalan dan sistem kerja di organisasi/industri, suasana pekerjaan, persekitaran organisasi/industri, teknologi terkini serta prosedur kerja yang sebenar. Aktiviti bersama CEO@POLYCC boleh dipelbagaikan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar mengadaptasi segala ilmu dan pengalaman. Aktiviti yang dilaksanakan mampu melahirkan graduan yang berkualiti melalui pendedahan bersama industri. Di samping itu, aktiviti bersama CEO@POLYCC yang dijalankan dapat meningkatkan kualiti perkongsian pengetahuan dan kemahiran industri bagi melahirkan graduan holistik dan seimbang sekaligus meningkatkan peratus kebolehpasaran.

### 3.2 KRITERIA PELAKSANAAN AKTIVITI

#### 3.2.1 Jam Pertemuan Aktiviti

CEO@POLYCC yang dilantik perlu menyumbang **SEPULUH (10)** jam pertemuan atau lebih bagi aktiviti sepanjang tempoh lantikan dengan minima **DUA (2)** jam pertemuan untuk aktiviti bersama CEO@POLYCC sendiri manakala baki pertemuan selebihnya boleh dilaksanakan oleh wakil yang dilantik oleh CEO@POLYCC.

#### 3.2.2 Kaedah Penyampaian

Kaedah penyampaian boleh dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian atau kedua-duanya (hibrid). Aktiviti CEO@POLYCC juga boleh dilaksanakan di institusi politeknik dan kolej komuniti lain yang mempunyai bidang sama atau berkaitan.

### **3.2.3 Jenis-Jenis Aktiviti**

CEO@POLYCC yang dilantik boleh mengadakan aktiviti di institusi politeknik dan kolej komuniti yang merangkumi aktiviti seperti yang tertera pada item di perenggan 3.3.

### **3.2.4 Penyediaan Kertas Kerja Program**

Penyediaan kertas kerja program CEO@POLYCC adalah bagi membantu institusi membuat persediaan terhadap proses pelaksanaan aktiviti dari sebelum, semasa dan selepas berdasarkan keperluan program pengajian serta peruntukan (mengikut keperluan) yang disalurkan untuk menjayakan setiap aktiviti bersama CEO@POLYCC.

### **3.2.5 Penyediaan Laporan Program**

Laporan program perlu disediakan selepas pelaksanaan aktiviti bersama CEO@POLYCC. (Perincian bagi penyediaan laporan diterangkan dalam Bab 4).

## **3.3 JENIS-JENIS AKTIVITI**

Pelaksanaan CEO@POLYCC melibatkan pelbagai aktiviti strategik yang bertujuan memperkukuh hubungan antara institusi politeknik dan kolej komuniti dengan industri. Aktiviti-aktiviti ini dirangka bagi memastikan pemindahan ilmu, teknologi, serta kemahiran dapat dilaksanakan secara efektif. Jenis-jenis aktiviti yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

#### **i. Perkongsian Ilmu**

CEO@POLYCC atau wakil syarikat yang dicadangkan akan berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan amalan terbaik kepada pelajar serta pensyarah politeknik dan kolej komuniti. Perkongsian ini dilaksanakan melalui pelbagai platform seperti seminar, syarahan, Focus Group Dialogue (FGD), dan sesi interaktif lain yang bersesuaian.

## **ii. Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, dan Pengkomersialan (RDIC)**

Kerjasama dalam bidang Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, dan Pengkomersialan (RDIC) yang melibatkan CEO@POLYCC atau wakil syarikat bersama institusi politeknik dan kolej komuniti. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa budaya penyelidikan gunaan serta membangunkan inovasi yang boleh dikomersialkan selaras dengan keperluan industri.

## **iii. Pemindahan Teknologi**

Kolaborasi antara syarikat dan institusi politeknik serta kolej komuniti dalam pemindahan teknologi bagi meningkatkan kecekapan operasi, memperluas keupayaan teknikal, serta memperkasakan daya saing institusi. Inisiatif ini juga memastikan pelajar dan pensyarah mendapat akses kepada teknologi terkini yang diterapkan dalam industri.

## **iv. Program Pendidikan dan Latihan**

CEO@POLYCC atau wakil syarikat akan bekerjasama dengan institusi politeknik dan kolej komuniti dalam menganjurkan program pendidikan dan latihan berasaskan pengalaman (*experiential learning program*). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar, memperkukuh kebolehpasaran graduan, serta menyumbang kepada pembangunan komuniti setempat melalui pemindahan ilmu dan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri.

## **v. Inisiatif Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**

Pelaksanaan projek-projek kelestarian dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang melibatkan CEO@POLYCC, industri, dan komuniti. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat setempat, malah menggalakkan penglibatan pelajar politeknik dan kolej komuniti dalam usaha membangunkan ekosistem yang lebih lestari dan berdaya tahan.

Melalui aktiviti-aktiviti ini, CEO@POLYCC bukan sahaja bertindak sebagai pemacu kepada peningkatan mutu pendidikan TVET tetapi turut memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang kompetitif dan selari dengan perkembangan industri semasa.

### **3.4 CADANGAN AKTIVITI CEO@POLYCC YANG BOLEH DILAKSANAKAN MENGIKUT KATEGORI:**

#### **3.4.1 Institusi POLYCC**

- i. Inisiatif dalam penyelidikan, pembangunan, inovasi, dan pengkomersialan (RDIC) seperti:
  - a. pakar rujuk/panel dalam memberi nasihat kepakaran kepada penghasilan projek/ produk pelajar institusi politeknik dan kolej komuniti;
  - b. penyelidikan;
  - c. penerbitan akademik;
  - d. inovasi; atau
  - e. pengkomersialan;
- ii. Dialog industri/ webinar/ seminar/ syarahan/ forum/ perkongsian ilmu dan lain-lain kaedah yang bersesuaian kepada pelajar dan pensyarah institusi politeknik dan kolej komuniti;
- iii. Perkongsian teknologi atau penajaan fasiliti dan peralatan;
- iv. Melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR);
- v. Penglibatan dalam proses akreditasi di institusi politeknik dan kolej komuniti (seperti APACC/ MBOT/ MQA/ ETAC/ RISM dan sebagainya); atau
- vi. Penglibatan sebagai Panel Penasihat Program/ Jawatankuasa Penasihat Program bagi pengajian sijil/ diploma/ ijazah di peringkat institusi politeknik dan kolej komuniti.

#### **3.4.2 Staf Akademik dan Bukan Akademik Institusi Politeknik dan Kolej Komuniti**


- i. Perkongsian pakar bidang/ *Industry Expert Enrichment Program* (IEEP);
- ii. *Training of Trainer* (TOT);
- iii. Pakar runding kepada politeknik dan kolej komuniti dalam penubuhan dan pembangunan Centre of Technology (COT)/ Industry On Campus (IOC)/ Reskilling and Upskilling Centre (RUC) atau bidang tujahan;

- iv. Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)/*Executive Lecturer Industrial TVET Empowerment (ELITE)*;
- v. Lawatan sambil belajar oleh pensyarah ke industri/ agensi berkaitan bertujuan untuk mendapatkan khidmat nasihat/ bimbingan berasaskan kepada kepakaran/pengalaman daripada CEO@POLYCC; atau
- vi. Program Peningkatan Kemahiran Kepimpinan (*Mentoring*).

### **3.4.3 Pelajar Institusi POLYCC**

- i. Tajaan biasiswa/ program/ aktiviti pelajar;
- ii. Work-Based Learning (WBL);
- iii. Latihan Industri/ Latihan Industri Berstruktur (LIB);
- iv. Program latihan berasaskan pengalaman (*experiential learning program*) di industri/ agensi yang berkaitan; atau
- v. Lawatan sambil belajar ke industri/ agensi berkaitan.

### 3.5 PROSEDUR PELAKSANAAN AKTIVITI



# Bab 4

# Laporan

Aktiviti CEO@POLYCC



# BAB 4

## LAPORAN AKTIVITI CEO@POLYCC

### 4.1 PENGENALAN

Laporan ini disediakan bagi merekod dan mendokumentasikan pelaksanaan aktiviti CEO@POLYCC yang dijalankan di peringkat politeknik dan kolej komuniti. Ia berfungsi sebagai dokumen rasmi untuk pelaporan kepada semua pihak berkepentingan, termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), serta pihak industri yang terlibat.

Matlamat utama penyediaan laporan ini adalah untuk:

- i. Merekod segala aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan di bawah program CEO@POLYCC secara sistematik dan terperinci.
- ii. Memudahkan pemantauan keberkesanan program serta menilai sejauh mana aktiviti yang dijalankan memenuhi objektif yang telah ditetapkan.
- iii. Menjadi sumber rujukan kepada pihak pengurusan dalam merancang serta menambah baik pelaksanaan program CEO@POLYCC pada masa hadapan.

Laporan ini turut berperanan dalam memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan memberi impak yang diharapkan terhadap pelajar, pensyarah, institusi, serta pihak industri yang terlibat.

## 4.2 KAEDAH PELAPORAN

Laporan hendaklah disediakan mengikut format rasmi yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 4**. Setiap laporan perlu disusun dengan lengkap, terperinci, dan jelas bagi menerangkan pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti di bawah CEO@POLYCC.

Selain itu, institusi juga dikehendaki melengkapkan **Borang Rumusan Aktiviti CEO@POLYCC** seperti yang terdapat dalam **Lampiran 5** bagi merangkumkan pencapaian serta impak aktiviti yang dilaksanakan. Semua institusi diwajibkan untuk mengemukakan laporan secara **suku tahunan** bagi memastikan pemantauan yang sistematik dan berkesan.

## 4.4 KAEDAH PENGHANTARAN PELAPORAN

Laporan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK)** melalui pautan rasmi yang disediakan oleh **Penyelaras CEO@POLYCC BKIK**. Penghantaran laporan perlu dibuat **mengikut sukuan** selepas setiap program atau aktiviti dilaksanakan bagi memastikan pemantauan dan penilaian yang sistematik.

Selain itu, **Borang Rumusan Aktiviti CEO@POLYCC** seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 5** wajib dikemukakan pada **sukuan keempat setiap tahun** sebagai laporan tahunan yang menyeluruh.

## 4.5 RUMUSAN

Pelaksanaan program CEO@POLYCC di peringkat politeknik dan kolej komuniti akan menjadi lebih sistematik, terancang, dan mudah diakses dengan adanya garis panduan pengurusan ini. Dokumen ini bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan utama bagi memastikan keberkesanan setiap program yang dilaksanakan, tetapi juga membantu dalam menyelaraskan proses pelaporan secara lebih teratur dan komprehensif.

Melalui penyediaan laporan berkala, pemantauan terhadap keberhasilan program dapat dijalankan dengan lebih efisien, sekaligus memastikan setiap objektif yang digariskan tercapai. Di samping itu, garis panduan ini turut memperkukuh hubungan kerjasama antara institusi pendidikan, industri, dan pihak berkepentingan lain, sejajar dengan matlamat pembangunan bakat TVET yang berkualiti dan berdaya saing.

Diharapkan garis panduan ini dapat menjadi rujukan utama bagi semua pihak dalam memastikan kelancaran pelaksanaan CEO@POLYCC, selain membantu memperkukuh peranan politeknik dan kolej komuniti sebagai peneraju utama dalam melahirkan modal insan yang kompeten dan memenuhi keperluan industri semasa.

**LAPORAN PROGRAM CEO@POLYCC**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**  
**TAHUN: \_\_\_\_\_**

<b>NAMA INSTITUSI</b>			
<b>NAMA CEO@POLYCC TERLIBAT</b>			
<b>NAMA SYARIKAT</b>			
<b>NAMA PROGRAM</b>			
<b>KATEGORI PROGRAM</b>	<b>Bil.</b>	<b>Kategori</b>	<b>Tandakan ✓</b>
	1.	Perkongsian Ilmu	
	2.	Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, dan Pengkomersialan (RDIC)	
	3.	Pemindahan Teknologi	
	4.	Inisiatif Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	
	5.	Program Pendidikan dan Latihan	
<b>TARIKH &amp; MASA</b>			
<b>BILANGAN JAM</b>			
<b>TEMPAT</b>			

**LAPORAN PROGRAM CEO@POLYCC**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**  
**TAHUN: \_\_\_\_\_**

<p><b>LATAR BELAKANG/MAKLUMAT</b>  <i>(Seperti - Pengenalan ringkas, objektif, pelaksanaan, penglibatan pelajar / staf, jenis janaan pendapatan/ tajaan latihan /sumbangan bagi peralatan yang disumbang / pekerjaan &amp; gaji yang ditawarkan / produk yang dihasilkan / struktur LIB)</i></p>	
<p><b>GAMBAR / LAMPIRAN BERKAITAN</b>  <i>(Mohon lampirkan juga dokumen berkaitan jika perlu)</i></p>	

**Disediakan oleh:**

**\*Disahkan oleh:**

-----  
 (NAMA)  
 Jawatan

-----  
 (NAMA)  
 Jawatan

*Nota: \* Pengesahan boleh dibuat oleh Pengarah / Timbalan Pengarah / Ketua Jabatan / Ketua Unit / Ketua Program.*

## BORANG RUMUSAN AKTIVITI CEO@POLYCC

POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI: \_\_\_\_\_

TAHUN: \_\_\_\_\_

NAMA CEO@POLYCC: \_\_\_\_\_

NAMA SYARIKAT : \_\_\_\_\_

TEMPOH LANTIKAN : \_\_\_\_\_

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PERANAN CEO@POLYCC	JAM	CATATAN
1.	<i>Contoh: National Technology Research In Engineering, Design 2023 (InTrends23)</i>	1-2 Sept 2023	Keynote Speaker untuk Majlis Pembukaan / Penutup (InTrends23)	3	<i>Diisi jika berkenaan</i>
2.					
3.					
4.					
JUMLAH JAM :					

# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN CEO@POLYCC

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pembangunan garis panduan ini.

**Penaung:**

YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail  
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

**Penasihat:**

Dr. Riam a/p Chau Mai  
Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti

**Ketua Editor:**

Ts. Mornizawati binti Abdullah

**Editor & Rekabentuk Grafik :**

Puan Norazmira binti Zainuddin

**Penulis:**

Ts. Mornizawati binti Abdullah  
Encik Ahmad Wafi bin Haji Mohd Salleh  
Puan Norazmira binti Zainuddin  
Encik Muhamad Rahmad bin Hassan  
Ts. Jason Choy Min Sheng  
Dr. Saw Chun Lin  
Dr. Aishah binti Sheikh Abu Bakar  
Puan Umaimah binti Mokhtar  
Ts. Dr. Jason William Vitales  
Puan Norhayati binti Jamil  
LAr. Dr. Zanariah binti Kasim  
Puan Razana Fatin binti Abdullah @ Razali  
Puan Suhaila binti Basar

Dr. Dulina binti Tholibon  
Encik Rizuan bin Zainal  
Dr. Muhamad Saufiyudin bin Hj Omar  
Puan Zalina binti Ismail  
Puan Julianti binti Samsuddin  
Puan Karimah binti Umar  
Puan Fara Azeerin binti A Karim  
Puan Nurul Syafiqah binti Md Amin  
Puan Nor Azila binti Mohd Anuar  
Puan Farizatul Ayuni binti Ainuddin  
Puan Siti Aishah Nayan  
Encik Zainolrin bin Saari



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Diterbitkan Oleh:  
BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya  
<https://mypolycc.edu.my>

e ISBN 978-629-96977-6-3

